

Fatwa senaman yoga hari ini

KUALA LUMPUR: Majlis Fatwa Kebangsaan akan mengumumkan keputusan mengenai hukum berhubung senaman yoga mengikut agama Islam hari ini.

Keputusan akan diumumkan Pengerusinya, Prof Datuk Dr Abdul Shukor Husin, selepas kajian mendalam dilakukan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) selama enam bulan.

Sumber berkata, fatwa itu penting kerana ia berkaitan akidah umat Islam yang mempraktikkan senaman itu.

Bagaimanapun, beliau enggan mengulas lanjut mengenai keputusan yang akan diumumkan itu.

“Kita tunggu sajalah keputusan itu pada sidang media yang akan diadakan esok (hari ini),” katanya ketika dihubungi semalam.